

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HGM 344– Geografi Perkhidmatan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab **DUA** soalan dari setiap Bahagian.

...2/-

Bahagian A

Jawab **DUA** soalan

1. Merujuk kepada definisi dan klasifikasi perkhidmatan, bincangkan sejauhmana aktiviti perkhidmatan dianggap sebagai aktiviti residual.
[25 markah]
2. Berdasarkan kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan pengaruh 'outsourcing' oleh firma pembuatan terhadap perkembangan dalam aktiviti perkhidmatan.
[25 markah]
3. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan sejauhmana era digital mempengaruhi perletakan firma-firma perkhidmatan.
[25 markah]
4. Merujuk kepada sebuah negara selain Malaysia, bincangkan bagaimana sektor perkhidmatan memainkan peranan dalam pembangunan wilayah negara berkenaan.
[25 markah]

Bahagian B

Jawab **DUA** soalan.

5. Huraikan kepentingan sektor perkhidmatan kepada ekonomi Malaysia dan bagaimanakah peranan sektor ini dapat dipertingkatkan?
[25 markah]
6. Merujuk kepada sektor pembuatan, jelaskan sejauhmana pentingnya pengangkutan udara kepada sektor berkenaan.
[25 markah]
7. Dalam rejim perdagangan antarabangsa Malaysia, perdagangan dalam perkhidmatan masih belum lagi dapat menyaingi kejayaan sektor perdagangan 'merchandise'. Bincangkan.
[25 markah]